



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

EDISI 11  
DISEMBER 2017

# BULETIN@JPA

## Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



# KANDUNGAN

<b>3</b>	<b>Peristiwa Khas</b> Sambutan Hari Krismas
<b>3-4</b>	<b>Program JPA</b> Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) Peringkat Negeri Sabah Anjuran CUEPACS
<b>5</b>	Teater Epik Muzikal Perkhidmatan Awam 'Seri Rajapatni'
<b>6-7</b>	Lawatan Ke Eksspo Negaraku 2017
<b>7-9</b>	Majlis Perhimpunan Bulanan JPA Bulan Disember 2017
<b>13</b>	Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan
<b>10-12</b>	<b>Info @JPA</b> Transformasi Nasional 2050 (TN50)
<b>14</b>	Info Pesara
<b>15</b>	<b>Diari Aktiviti JPA</b> Program JPA
<b>16-17</b>	<b>Selamat Datang Ke JPA!</b> Warga Baharu JPA
<b>18</b>	<b>Tahniah Atas Kenaikan Pangkat</b>
<b>19</b>	<b>Terima Kasih &amp; Selamat Maju Jaya</b>

# Sambutan Hari Krismas

Hari Krismas atau dikenali juga dengan Hari Natal merupakan perayaan yang disambut oleh penganut Kristian pada tanggal 25 Disember pada setiap tahun. Ianya sebagai memperingati kelahiran Jesus, iaitu pengasas ajaran Kristian. Di negara-negara yang menyambut perayaan Hari Krismas seperti di Malaysia, aktiviti seperti menghias pokok krismas, menjamu selera bersama keluarga dan sahabat handai serta bertukar-tukar hadiah menjadi tradisi dalam menyambut perayaan ini.

*Santa Claus* begitu sinonim dengan perayaan Hari Krismas, iaitu tokoh mitos yang dikaitkan dengan budaya pemberian hadiah. *Santa Claus* akan datang pada malam Krismas untuk memberi hadiah kepada kanak-kanak. Hadiah-hadiah ini akan diletakkan di bawah pokok krismas untuk dibuka oleh kanak-kanak pada keesokan harinya. Dari segi hidangan pula, ayam belanda panggang, puding plum dan biskut halia diperbuat dalam pelbagai bentuk serta warna yang menarik menjadi juadah hidangan utama semasa perayaan Krismas.



Hadiah



Ayam Belanda



Biskut Halia



Pokok Krismas



Kalung Bunga



## Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50)

Peringkat Negeri Sabah Anjuran CUEPACS

Oleh: Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA)

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah menganjurkan Wacana Jelajah Transformasi Nasional 50 (TN50) peringkat Negeri Sabah pada 20 Disember 2017 di Auditorium, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah. Program Wacana ini telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 600 orang peserta terdiri daripada penjawat awam Negeri dan Persekutuan termasuk Badan Berkawan. Objektif Wacana TN50 yang dianjurkan oleh CUEPACS itu adalah bertujuan:

- 1 Sebagai platform untuk mengumpul aspirasi dan idea ke arah TN50 daripada semua peringkat masyarakat terutamanya penjawat awam muda; dan
- 2 Untuk memastikan kesiapsiagaan generasi muda menghadapi masa hadapan menjelang tahun 2050.





Wacana TN50 ini telah dihadiri oleh panel yang terdiri daripada YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Armizan bin Mohd. Ali, Pengarah Biro Tatanegara Sabah (BTN), YBrs. En. Mua'mar Ghadafi Jamal Jamaluddin Presiden Majlis Belia Malaysia dan YBhg. Datuk Azih bin Muda (Presiden CUEPACS) bertindak sebagai moderator Wacana TN50 tersebut. Wacana TN50 peringkat Negeri Sabah merupakan siri pertama rangka penjelajahan pihak CUEPACS bagi mendapatkan aspirasi secara *bottom-up* daripada penjawat awam untuk dijadikan sebagai sebahagian input dokumen akhir TN50 negara.

Pada sesi wacana tersebut, beberapa perkara telah diberikan penekanan oleh panel-panel iaitu mengenai pentingnya peranan penjawat awam yang merupakan tulang belakang pembangunan negara dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. YBhg. Tan Sri KPPA memaklumkan mengenai pencapaian negara sepanjang tahun 2017 melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat global dan menyeru agar momentum ini diteruskan lagi pada tahun 2018.

Di samping itu, YBhg. Tan Sri juga menjelaskan mengenai lima (5) prinsip pentadbiran kerajaan yang berfungsi sebagai penunjuk arah dalam memacu negara ke arah kejayaan iaitu ekonomi, global, rakyat di hati, berwawasan dan penyampaian perkhidmatan. Golongan penjawat awam juga disarankan agar mengambil peluang yang telah disediakan oleh kerajaan dalam menyediakan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi perubahan masa akan hadapan.

Peserta Wacana TN50 telah berpeluang menyatakan aspirasi-aspirasi mereka mengenai perkhidmatan awam ke arah TN50 disamping mengemukakan pelbagai pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan sedia ada seperti skim perkhidmatan dan latihan, kebijakan dan perumahan penjawat awam.



Teater Epik Muzikal Perkhidmatan Awam yang bertajuk 'Seri Rajapatni' merupakan agenda kebahasaan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai penutup Bulan Bahasa Kebangsaan 2017. Dalam penganjuran ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bekerjasama bagi menjayakan teater yang diadakan di Auditorium DBP pada 7 Disember 2017 bermula pukul 10.00 pagi.

Penceritaan Teater Epik Muzikal Seri Rajapatni ini adalah berdasarkan sejarah Kedah Zamin Turan yang kini dikenali sebagai Kedah Tua. Teater ini telah memaparkan kemelut ketaatan rakyat Kedah pada ketika itu dalam menentang pembelotan dari dalam Istana Kedah Zamin Turan sendiri dan pakatan jahat pemimpin-pemimpin luar semasa era pemerintahan Permaisuri Mariyam I selepas kemangkatan Raja Merong Mahapudisat. Natijah kehancuran Kerajaan Singahsari di Pulau Jawa telah menyebabkan waris Rajapatni terpisah di tiga buah negara lalu mengheret Kedah Zamin Turan ke dalam kancang fitnah dan pembunuhan rakyat yang tidak berdosa.

Di antara objektif pementasan teater ini adalah untuk membuka lipatan sejarah lalu akan kepentingan sifat taat setia kepada negara dan mempamerkan pengorbanan masyarakat terdahulu dalam mempertahankan kedaulatan negara untuk dimanfaatkan bersama-sama sekaligus menikmati kehidupan yang aman sehingga kini. Di samping itu juga, teater ini adalah sebagai satu manifestasi kerjasama semua pihak dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini. Teater Perkhidmatan Awam ini telah berjaya menyatukan penjawat awam sebagai pelakon dan urus setia teater dari pelbagai agensi Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan, pelajar dari Universiti Putra Malaysia dan pihak swasta. Penyatuan ini juga telah menzahirkan komitmen, bakat dan sifat jati diri mereka yang terlibat dalam menyumbangkan tenaga, buah fikiran dan dana demi kecintaan mereka terhadap Bahasa Melayu dan agenda Perkhidmatan Awam.

Pelaksanaan pementasan teater ini telah berjaya membuka mata ramai pihak terutamanya penjawat awam negeri dan penggiat teater yang mencadangkan agar teater Perkhidmatan Awam ini diadakan di peringkat negeri mengikut zon (utara, selatan, timur, barat, Sabah dan Sarawak) agar ilmu dan penceritaan sejarah begini dapat dikongsikan kepada semua pihak yang tidak berpeluang ke lokasi teater Perkhidmatan Awam di Kuala Lumpur.



## Teater Epik Muzikal Perkhidmatan Awam 'Seri Rajapatni'

oleh: Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar (BPPD)



Pada 7 Disember 2017, satu lawatan ke Ekspo Negaraku 2017 telah diadakan bagi melihat dengan lebih dekat pameran infrastruktur berskala besar yang dianjurkan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Melangkah ke kubah pertama Ekspo Negaraku 2017 bagai memasuki dunia baharu yang jauh ke hadapan melangkaui masa. Dengan tema 'Tuah Dikongsi Bersama', Kubah 1 adalah permulaan kembara pengunjung dalam laluan menghayati limpahan nikmat pembangunan dan kemajuan negara yang ada kalanya tidak dihargai seperti sepatutnya.

Generasi pasca merdeka pasti sukar membayangkan kisah negara bertuah ini bermula, namun mereka juga mempunyai tanggungjawab berat dalam memastikan kemajuan sedia ada berlipat ganda apabila mengambil alih teraju pimpinan masa depan.

Kesedaran itu membawa pengunjung ke Kubah 2, iaitu evolusi infrastruktur dan pengangkutan awam menjadi paksi segmen diberi tema 'Kemudahan Infrastruktur', bermula dari darat merentasi udara.

Kubah 3 bertema 'Kehidupan dan Kesejahteraan' memungkinkan pengunjung bertuah berbual di telefon bersama barisan pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, dan Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

## Lawatan Ke Ekspo Negaraku 2017

oleh: Unit Komunikasi Korporat (UKK)



Kalangan pengunjung Generasi X (Gen-X) pasti tersenyum sendiri mengimbau kenangan silam tatkala melihat deretan telefon talian tetap yang digunakan sekitar era 1960-an hingga 1990-an memenuhi ruang pameran dan akan lebih tersenyum sekiranya berpeluang mendengar sendiri suara pemimpin negara dari corong-corong telefon tersebut.

Pelbagai sesi interaktif seiring ledakan teknologi massa semestinya membangkitkan keinginan pengunjung untuk cuba menyelami kemajuan hanya dengan sentuhan di hujung jari, selain mendengar amanat dan pesanan berguna ke arah bersama menyejahterakan Malaysia.

Kubah 4 yang berteraskan 'Gaya Hidup Malaysia' menjanjikan pengharapan besar rakyat negara ini dalam membentuk masa depan gemilang, bersandarkan kemajuan mencakupi darat hingga udara.

Tiada ruang yang dipinggirkkan daripada arus kemajuan, malah perhatian sama rata diberi terhadap pembangunan infrastruktur pelancongan serta kebudayaan supaya semua lapisan masyarakat mengecapi limpahan rahmat kemerdekaan.

Tema 'Masa Depan Gemilang' menanti di Kubah 5. Ambil sedikit masa untuk berlapang dada bagi menyingkap segala nikmat kemajuan yang sudah sebatи dalam kehidupan



harian rakyat Malaysia, hingga ada masanya kita terlalai untuk menghargai.

Di sebalik pengalaman menakjubkan Ekspo Negaraku 2017, terselit pelbagai mesej berharga untuk dijadikan azimat ke arah membawa Malaysia meluncur laju mengharungi pelbagai cabaran.

Paling utama, Ekspo Negaraku 2017 membuktikan komitmen kerajaan untuk terus memberi yang terbaik buat kira-kira 32 juta rakyatnya tanpa batasan kaum, lokasi atau apa saja sempadan yang menjadi ukuran perbezaan buatan manusia.



## Perhimpunan Bulanan JPA Bulan Disember 2017

oleh: Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS)

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS) telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan JPA pada 22 Disember 2017 bertempat di Auditorium, Aras 4, Blok C1 JPA. Bertemakan "Ibrah 2017: Aspirasi Melonjak Prestasi", semua penjawat awam khususnya warga JPA diajak untuk merenung kembali pengajaran yang telah diperolehi daripada pengalaman sepanjang tahun 2017 dan bermuhasabah diri bagi mencetus aspirasi dalam diri seterusnya menggandakan prestasi bagi melonjakkan pencapaian dan kejayaan JPA pada tahun 2018.

YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dalam ucapan amanatnya menyorot kembali pencapaian dan kejayaan JPA sepanjang tahun 2017, antaranya melalui Inisiatif Utama 2017 di mana kajian dan unjuran yang teliti berdasarkan aspirasi pucuk kepimpinan tinggi negara telah berjaya dilaksanakan seperti Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam; Penggunaan Sistem HRMIS, *Blue Ocean Strategy (BOS) Online*, Program Pementoran Kepimpinan dan Leadership serta Semakan Sistem Saran Perkhidmatan Awam.



Melihat ke hadapan iaitu tahun 2018, beberapa gagasan dan idea berkenaan dasar dan prinsip Aspirasi Utama JPA tahun 2018 diperkenalkan dan ianya akan menjadi tunjang gerak kerja JPA pada tahun hadapan iaitu:

- 1** Berpaksikan kepada prinsip kerangka maqasid syariah;
- 2** Penerapan prinsip *wala'* dan kesetiaan di dalam perkhidmatan awam;



- 3** Penerapan budaya kerja di luar kelaziman iaitu bekerja melepas dan melangkui tahap keupayaan lazim serta di luar kotak pemikiran biasa demi keberhasilan luar biasa;
- 4** Langkah proaktif ke arah revolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital; dan
- 5** Langkah pemerksaan TN50 adalah bagi memastikan perkhidmatan awam mencapai pengertian Al-Falah iaitu *par excellence* duniaawi dan ukhrawi.

Perhimpunan pada kali ini diselitkan dengan penyampaian Anugerah Citra Sahabat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2017 Kategori Sektor Awam kepada JPA yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Abdul Adzis Bin Abas, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). JPA telah diberikan pengiktirafan kerana telah memainkan peranan penting dan berkesan dalam membantu DBP menyebarluaskan dan memartabatkan bahasa, sastera dan persuratan melayu.

Majlis turut diisi dengan majlis penyampaian Sijil MS ISO 9001:2015 dan Sijil ISO/IEC 27001:2013 daripada Encik Muhd. Azzanuddin Bin Salleh, Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pada tahun ini, JPA telah memperoleh pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 bagi tempoh dua tahun bermula pada 19 September 2017 hingga 18 September 2020 daripada pihak SIRIM. Sijil MS ISO 9001:2015 merupakan satu standard bertulis yang menetapkan keperluan asas dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dan stakeholder.

Selain itu, JPA juga telah menerima pengiktirafan ISO/IEC 27001:2013 iaitu Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang juga dikenali sebagai ISMS. Objektif ISMS adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi stakeholder. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan.

YBhg. Tan Sri KPPA turut melancarkan Buku 'Jabatan Perkhidmatan Awam: 2017 Tahun Penyampaian' disaksikan oleh YBhg. Dato' Mohtar Bin Mohd Abd Rahman, TKPPA(P), YBhg. Dato' Nor Inchun Binti Mohamed Salleh, TKPPA(O), pengarah-pengarah bahagian serta para hadirin yang lain.

Seterusnya, perhimpunan diteruskan dengan sesi penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai contoh bulanan JPA sebagai menghargai sumbangan dan komitmen pegawai-pegawai JPA yang telah menunjukkan hasil kerja yang cemerlang.



Perhimpunan Bulanan JPA ini diakhiri dengan penyampaian Anugerah Inovasi JPA, Anugerah Inovasi Sosial JPA, Anugerah Idea Inovasi JPA, Anugerah Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) JPA dan Anugerah Kegemilangan JPA. Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang. Berikut adalah keputusan bagi anugerah-anugerah yang dinyatakan :-

## Anugerah Inovasi JPA

### Johan

INNOVEX daripada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI)

### Tempat Kedua

SEPAKAT BPO daripada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)

### Tempat Ketiga

INVATION daripada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI)



## Anugerah Inovasi Sosial JPA

### Johan

Kelab JPA daripada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

### Tempat Kedua

BE ACE daripada Bahagian Saraan (BS)

### Tempat Ketiga

3R BPO daripada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)



## Anugerah Idea Inovasi JPA

### Johan

Puan Rohafiza Binti Abd Razak  
daripada Bahagian Perkhidmatan (BK)

### Tempat Kedua

Dr. Abdul Gapar Bin Abu Bakar  
daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

### Tempat Ketiga

Dr. Azlena Binti Haron  
daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)



## Anugerah Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) JPA

### Johan

INTAN MAGNIFY daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

### Tempat Kedua

OREO daripada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

### Tempat Ketiga

SYN@PSE daripada Bahagian Pengurusan Psikologi (BPPs)



## Anugerah Kegemilangan JPA

### Johan

Bahagian Perkhidmatan (BK)

### Tempat Kedua

Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS)

### Tempat Ketiga

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)





# Transformasi Nasional 2050 (TN50)

oleh: Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA)

## i. Maklumat Am

### Senario Global

Dunia pada hari ini sedang berada di ambang revolusi teknologi yang pesat di mana ia telah mengubah keseluruhan cara manusia berfikir dan bertindak. Perkembangan *internet of things*, penggunaan *big data analytic*, *food security*, peningkatan mendadak rangkaian hubungan antara manusia melalui media-media sosial dan telefon mudah alih, perkembangan teknologi berkaitan kesihatan, pelajaran, penciptaan mata wang *crypto-currency*, *online business*, pembangunan *Artificial Intelligence*, penggunaan robot terutamanya dalam industri pembuatan dan pertanian serta pelbagai inovasi dan ciptaan-ciptaan lain telah mengubah cara manusia berfikir, bertindak dan menguruskan kehidupan mereka. Akibat daripada *trend mega* yang berlaku secara global, pentadbiran sesebuah negara, pengurusan perniagaan, pengaruh dan peluasan politik, sosial serta ekonomi juga perlu untuk turut berubah sejajar dengan perkembangan revolusi teknologi ini jika tidak mahu ketinggalan.

Perkembangan teknologi yang pesat ini yang dikenali sebagai *The Fourth Revolution* memberi cabaran yang besar bukan sahaja kepada masyarakat secara umum tetapi juga kepada hala tuju dan pentadbiran masa hadapan sesebuah negara. Bagi memastikan sesebuah negara kekal relevan dan dapat bersaing pada masa hadapan, keupayaan untuk merangka dan menetapkan hala tuju yang betul dan tepat amatlah perlu. Bentuk cabaran baharu dan kekangan yang bakal dihadapi pada masa hadapan perlu dikenal pasti dan strategi pembangunan holistik perlu dilakukan.

### Senario Malaysia Masa Hadapan

Pada tahun 2050, jumlah penduduk Malaysia dijangka akan meningkat kepada 50 juta orang. Dalam mengharungi

tempoh 33 tahun mendatang sudah pasti harapan dan aspirasi masyarakat Malaysia akan berubah. Daripada sebuah negara yang sedang membangun, rakyat mengimpikan Malaysia berubah kepada negara bertaraf *Great Nation* dengan kemajuannya meliputi segala aspek kehidupan iaitu keseimbangan kemajuan dalam aspek ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

## TN50

Menyedari akan pentingnya pembentukan hala tuju baharu negara bagi tempoh jangka masa panjang dan bagi memenuhi harapan rakyat, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan visi baharu negara yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50) semasa pembentangan Bajet Tahun 2017 pada 21 Oktober 2016. TN50 merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020 dan dasar futuristik kerajaan untuk memajukan negara bagi tempoh 30 tahun akan datang selepas tahun 2020.

YAB Perdana Menteri menyasarkan Malaysia sebagai negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence* dengan Malaysia berada dalam kalangan 20 negara teratas dan paling berdaya saing di dunia. Pelaksanaan agenda TN50 juga melibatkan prinsip-prinsip maqasid syariah iaitu yang menekankan kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang merupakan bentuk tadbir urus yang bersifat universal bagi semua kaum di Malaysia.

Dasar TN50 akan dibentuk berdasarkan aspirasi Malaysia melalui libat urus semua lapisan rakyat secara kolektif dengan berpandukan pendekatan *bottom-up* dan *people centric*. Menerusi pendekatan ini, YAB Perdana Menteri menjelaskan bahawa dasar jangka sederhana dan jangka panjang TN50 akan dirangka berdasarkan aspirasi generasi muda pada hari ini iaitu bagaimana mereka mahu melihat Malaysia dalam tempoh tiga (3) dekad akan datang. Menurut YAB Perdana Menteri, TN50 juga bertujuan merangka bukan sahaja sebuah dokumen visi atau *vision document*, malah merangkumi penyediaan dasar-dasar serta *national strategy*, pelan pelaksanaan dan aspek pemantauan melalui sintesis yang dilakukan terhadap segala pandangan dan kehendak pelbagai pihak dalam mencapai matlamat TN50 bagi tempoh 30 tahun akan datang.

Pendekatan tersebut dipilih kerana beliau mahukan TN50 menjadi kesinambungan kepada dasar 30 tahun terdahulu sebagai visi negara kerana masa depan negara ialah milik generasi muda hari ini. Segala pandangan, input dan isi hati seluruh lapisan rakyat akan dikumpulkan dan ia akan dijadikan input kepada cadangan Visi TN50. Pandangan yang dikemukakan mengenai masalah dan isu serta cabaran pada masa kini akan terus diselesaikan menerusi program dan inisiatif yang sedia ada dan tidak bermakna dengan adanya TN50 pandangan rakyat hanya dihalakan semata-mata kepada 30 tahun akan datang sahaja. Isu-isu yang boleh

diambil tindakan dalam jangka pendek akan dilaksanakan dengan segera.

TN50 mula digerakkan dengan mendengar dan mendapatkan pandangan dan aspirasi generasi muda daripada pelbagai bangsa melalui sesi wacana-wacana nasional atau *national discourse* di mana Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selaku peneraju kepada pembangunan golongan muda yang juga berfikir sebagai urus setia di peringkat nasional. Sebanyak tujuh (7) bidang fokus yang telah dikenal pasti oleh KBS pada masa sekarang iaitu Nilai, Urus Tadbir, Pembelajaran, Pekerjaan, Pengalaman, Kehidupan dan Global. Sementara penyelarasan bagi aspirasi perkhidmatan awam pula akan dilakukan oleh Unit Khas TN50 & Civil Service Delivery Unit (CSDU), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

### Bidang Fokus 3:

Persekutuan hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat

- Alam sekitar yang mampan dan terpelihara
- Jaringan infrastruktur yang maju dan terhubung
- Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan harga
- Keamanan dan keselamatan untuk semua rakyat Malaysia

### Bidang Fokus 4:

Gaya hidup yang aktif, bersemangat dan mesra

- Memupuk komuniti yang berkembang maju dalam seni dan budaya
- Pilihan aktiviti dan tempat rekreasi yang pelbagai
- Budaya sihat dan gaya hidup aktif
- Persekutuan komunal yang ramah

### Bidang Fokus 5:

Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh & berterusan

- Sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritisik masa hadapan
- Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran secara berterusan
- Pendidikan holistik yang seimbang antara akademik dan kemahiran teknikal
- Penyampaian pembelajaran yang efisien menerusi teknologi

### Bidang Fokus 6:

Ekonomi yang berdaya saing dan terkedepan, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju

- Produktif, inovatif dan amat kompetitif
- Didorong oleh kemajuan sains dan teknologi
- Hab peluang pekerjaan yang relevan dan menarik

## ii. Bidang Fokus TN50

SAYA MAHU DUNIA MELIHAT MALAYSIA SEBAGAI...  
Pengaruh utama di pentas dunia

SAYA MAHU  
DIAMI  
MALAYSIA YANG  
MENYEDIAKAN...

Persekutuan  
hidup yang  
sihat,  
mampan,  
efisien dan  
selamat

SAYA MAHU  
ALAMI  
MALAYSIA YANG  
MENYEDIAKAN...

Gaya hidup  
yang aktif,  
bersemangat  
dan mesra

SAYA MAHU  
MINIMBA ILMU  
DI MALAYSIA YANG  
MENYEDIAKAN...

Ekosistem  
pembelajaran  
yang relevan,  
menyeluruh  
dan berterusan

SAYA MAHU  
BEKERJA  
DI DALAM  
MALAYSIA YANG  
MEMPUYAI...

Ekonomi yang  
berdaya saing  
dan terkedepan,  
dipacu oleh  
tenaga kerja  
yang berkembang  
maju

SAYA MAHU MALAYSIA YANG DITADBIR URUS DENGAN  
Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang

SAYA MAHU MALAYSIA YANG MEMUPUK  
Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat

### Bidang Fokus 1:

Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat

- Masyarakat yang terbuka, bertoleransi dan berfikiran sivik
- Masyarakat yang saksama
- Hormat terhadap warisan yang berbilang budaya dan pelbagai
- Identiti nasional yang kukuh dan utuh

### Bidang Fokus 7:

Pengaruh Utama di Pentas Dunia

- Suara Asia Tenggara
- Contoh unggul Islam yang moden
- Duta pilihan dalam aspek kemanusiaan global
- Pemimpin dalam pertubuhan antarabangsa utama

### Bidang Fokus 2:

Model Pentadbiran Awam yang Efektif dan Seimbang

- Kerajaan yang efektif dan adaptif
- Demokrasi yang matang dan bertenaga serta mengalakkan politik yang inklusif
- Sektor sosial dan masyarakat yang dinamik
- Perlembagaan negara yang relevan, dijulang dan dihormati

iii.

Pelaksanaan di peringkat Negara & Jabatan

## Peringkat Negara

Sesi pengumpulan aspirasi penjawat awam telah dimulakan oleh YAB Perdana Menteri melalui Sesi Dialog TN50 YAB PM bersama Penjawat Awam yang diadakan pada 31 Mei 2017 yang bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan. Sebanyak 50 aspirasi telah dikongsi oleh penjawat awam yang hadir pada sesi tersebut.

YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga telah turun padang bagi mendengar aspirasi TN50 daripada penjawat awam di peringkat negeri. YBhg. Tan Sri KSN telah mengadakan sesi dialog ke Sabah pada 11 Julai 2017, Sarawak pada 21 Julai 2017 dan Pahang pada 17 Ogos 2017.

## Peringkat Jabatan

### TN50 di JPA

Dalam usaha menyemarakkan dan menyokong pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Bajet 2017, JPA telah merancang pelbagai aktiviti untuk dilaksanakan dalam usaha mendapatkan aspirasi daripada semua pemegang taruh JPA iaitu penjawat awam warga JPA, penjawat awam negeri, pelajar tajaan JPA dalam dan luar negara serta pesara kerajaan. Penjawat awam yang terlibat merupakan pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Aktiviti yang dirancang ini merangkumi dua (2) mekanisme utama iaitu :

#### (i) Mekanisme untuk Hebahan/Promosi :

Hebahan dan promosi yang diadakan bertujuan untuk memaklumkan kepada seluruh warga JPA mengenai pelaksanaan TN50. Hebahan dilaksanakan melalui paparan bunting dan poster serta Program Siaraya yang melibatkan semua wakil bahagian-bahagian di JPA yang berumur 45 tahun ke bawah.

#### (ii) Mekanisme Pengumpulan Aspirasi :

(a) Pengumpulan aspirasi secara interaksi bersemuka :

- Program Wacana TN50 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Program ini telah diadakan pada 11 Julai 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh seramai 150 orang pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Program ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 29 aspirasi merangkumi pelbagai aspek di bawah tujuh (7) bidang fokus TN50.

- Program Wacana TN50 Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Pembangunan dan Operasi Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam

Program ini telah diadakan pada 12 Oktober 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh seramai 100 orang pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Sebanyak 27 aspirasi telah berjaya dikumpulkan di akhir program ini.

- Sesi Dialog Transformasi Nasional (TN50) YBhg. Tan Sri KPPA Bersama Ahli Majlis Bersama Kebangsaan (MBK)  
Sesi ini telah diadakan pada 2 Oktober 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh ahli-ahli MBK. Sebanyak 15 aspirasi telah berjaya dikumpul di akhir sesi tersebut.

#### • Wacana TN50 Bahagian

Sesi ini diadakan oleh setiap bahagian di JPA. Sebanyak 475 aspirasi telah berjaya dikumpulkan dari semua bahagian.

#### (b) Pengumpulan aspirasi melalui pengedaran soal selidik.

Kajian Soal Selidik TN50 ini dilaksanakan merangkumi tiga (3) pemegang taruh JPA iaitu warga JPA, pelajar di bawah tajaan JPA serta pesara kerajaan. Soal selidik ini dijalankan bermula 22 Jun 2017 sehingga 21 Julai 2017 yang melibatkan seramai 1,404 orang responden.

# Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK)

Bil. 2 Tahun 2017

oleh: Bahagian Saraan (BS)



Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) diwujudkan sebagai forum bagi pihak pekerja dan pihak pegawai membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi penjawat awam. Mesyuarat MBK bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) Bilangan 2 Tahun 2017 dan Mesyuarat MBK bagi Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Bilangan 2 Tahun 2017 telah diadakan pada 14 Disember 2017 manakala Mesyuarat MBK bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) Bilangan 2 Tahun 2017 pula telah diadakan pada 15 Disember 2017. Ketiga-tiga mesyuarat MBK ini telah berlangsung di Hotel Holiday Inn Melaka yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

**1** Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan Dan Profesional (MBK P&P) Bil 2 2017



**2** Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T ) Bil 2 2017



**3** Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK AM) Bil 2 2017.



# Info Pesara

oleh: Bahagian Pasca Perkhidmatan (BP)



Berikut merupakan maksud kod-kod bagi jenis perkhidmatan seperti yang tertera di Kad Pesara Kerajaan Malaysia



## 2) Kod penerima pencen terbitan balu/duda (Penerima Pencen Terbitan - setelah kematian pesara)

BP : Pasangan Pesara Awam Persekutuan

BN: Pasangan Pesara Awam Negeri

BB: Pasangan Pesara Awam Badan Berkanun

BK: Pasangan Pesara Awam Kuasa Tempatan

BX: Pasangan Pesara Awam Kesihatan Persekutuan

BY: Pasangan Pesara Awam Kesihatan Badan Berkanun

BZ: Pasangan Pesara Kesihatan Tentera

BT: Pasangan Pesara Angkatan Tentera

BS: Pasangan Pesara Polis

\*\*\* Kad atas kiri atas ialah contoh kad penerima pencen terbitan akibat kematian anggota awam / pesara

\*\*\* Nama isteri yang telah meninggal dunia akan dikeluarkan daripada Kad Pesara seperti Kad atas kanan (Pesara masih hidup)

\*\*\* Hanya nama pasangan yang dikahwini semasa masih dalam perkhidmatan sahaja yang akan tertera di atas Kad Pesara (Pesara dan pasangan masih hidup)

## 1) Kod Pesara

AP : Pesara Awam Persekutuan

AN: Pesara Awam Negeri

AB: Pesara Awam Badan Berkanun

AK: Pesara Awam Kuasa Tempatan

AX: Pesara Awam Kesihatan Persekutuan

AY: Pesara Awam Kesihatan Badan Berkanun

AZ: Pesara Kesihatan Tentera

AT: Pesara Angkatan Tentera

AS: Pesara Polis

## Kelayakan Wad

(Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010)

Pengurusan Tertinggi (JUSA ke atas) :  
Kelas 1A (bilik seorang)

Gred 45-54 : Kelas 1A (Bilik seorang)

Gred 31 - 44 : Kelas 1B (Bilik berdua)

Gred 21 - 30 : Kelas 1C (Bilik bertiga)

Gred 1-20 : Kelas 2 (Bilik berempat)

7 Dis.



Lawatan Sambil Belajar Warga JPA  
Ke Ekspo Negaraku 2017

12 Dis.



Teater Epik Perkhidmatan Awam  
'Seri Rajapatni'

# Diari Aktiviti

14 Dis.



Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan  
Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan  
Pelaksana (MBK AM) Bil 2 Tahun 2017

14 Dis.



Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi  
Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam  
Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Bil 2 Tahun 2017

15 Dis.



Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan  
Bagi Pekerja - Pekerja Pengurusan Dan  
Profesional (MBK P&P) Bil 2 Tahun 2017

20 Dis.



Wacana TN50 Negeri Sabah

22 Dis.



Majlis Perhimpunan Bulanan JPA  
Bulan Disember 2017

# Selamat Datang

## Warga Baharu JPA



**NOR YAHATI BINTI AWANG**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED UTAMA B (MEMANGKU)(KUP)  
Penempatan : BAHAGIAN TRANSFORMASI SEKTOR AWAM  
Kuatkuasa : 20.12.17



**YBHG. DATO' ILANGO A/L KARUPPANNAN**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED UTAMA C  
Penempatan : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Kuatkuasa : 11.12.17



**NORIZAN BIN BESAR**

Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
GRED F54(MEMANGKU)  
Penempatan : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Kuatkuasa : 18.12.2017



**SYAHNAZ AKHTAR BIN MAT ALI**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M54 (PENEMPATAN KHAS)  
Penempatan : BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN  
Kuatkuasa : 11.12.17



**SHAFRIL AZMI BIN SHAHARIN**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M52  
Penempatan : BAHAGIAN PENYELIDIKAN,  
PERANCANGAN DAN DASAR  
Kuatkuasa : 20.12.17



**NAQIAH FIRDAUS BINTI SAARI**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M44 (MEMANGKU)  
Penempatan : BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK  
Kuatkuasa : 11.12.17



**MUHAMMAD SHAFIRUL BIN KADER**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M44 (MEMANGKU)  
Penempatan : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Kuatkuasa : 18.12.2017



**KHAIRUL NIZAM BIN YAHYA**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M44 (MEMANGKU)  
Penempatan : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Kuatkuasa : 11.12.17



**NOR AZDEANY BINTI NORAZIMI**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M44 (MEMANGKU)  
Penempatan : BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Kuatkuasa : 29.12.2017

# Selamat Datang

## Warga Baharu JPA



**ROHANA BINTI AHMAD JUNID**

Jawatan : PENOLONG PUSTAKAWAN

GRED S38 (MEMANGKU)

Penempatan : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Kuatkuasa : 18.12.17



**MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID**

Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR

GRED N32

Penempatan : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA

Kuatkuasa : 4.12.2017



**NADIAH BINTI KAMARUDIN**

Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR

GRED N32 (MEMANGKU)

Penempatan : BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Kuatkuasa : 4.12.17



**KHAIRUDDIN BIN MAHMAD SHA'UDI**

Jawatan : PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK)

GRED JA29

Penempatan : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Kuatkuasa : 15.12.2017



**MOHAMMAD FARID BIN SHAFIE**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O)

GRED N19

Penempatan : BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

Kuatkuasa : 13.12.17



**NAJIHAH BINTI MUHAMAD NAZRI**

Jawatan : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT

GRED N19

Penempatan : BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI

Kuatkuasa : 18.12.17



**NUR AFIQAH BINTI ABU NAIM**

Jawatan : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT

GRED N19

Penempatan : BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

Kuatkuasa : 18.12.2017



**NORDIANA BINTI RAMLI**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O)

GRED N19

Penempatan : BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Kuatkuasa : 20.12.17

# TAHNIAH

Atas Kenaikan Pangkat

& Selamat  
Bertugas  
Ditempat Baharu



**BADURUNHISAM BIN MOHD NOR**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M54 MEMANGKU KELUAR  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED UTAMA C  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI  
Penempatan : KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
Kuatkuasa : 11.12.17



**NABILAH BINTI ARMAN MOHAMMAED**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M41 MEMANGKU KELUAR  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI  
Penempatan : KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
Kuatkuasa : 15.12.17



**NOORATUL ASHIKIN BINTI DILAH**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M41 MEMANGKU KELUAR  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK  
Penempatan : KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
Kuatkuasa : 15.12.17



**MUHAMMAD HATTA BIN ABDUL HALIM**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M41 MEMANGKU KELUAR  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Penempatan : JABATAN PERDANA MENTERI  
Kuatkuasa : 29.12.17



**NURUL FASIHAY BINTI MANSOR**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M41 MEMANGKU KELUAR  
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Penempatan : KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
Kuatkuasa : 29.12.17



**RUZA BIN ELIAS**

Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
GRED N36 MEMANGKU KELUAR  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N40  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Penempatan : KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
Kuatkuasa : 14.12.17

# Terima Kasih & Selamat Maju Jaya

## Kepada Warga JPA Yang Telah Bertukar Keluar

**RUZIAH BINTI SHAFEI**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED UTAMA C (MEMANGKU)  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
Penempatan : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
Kuatkuasa : 11.12.17

**MOHD. RIDZUAN BIN ABD. GHAFAR**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M54 (PENEMPATAN KHAS)  
Jab. Sebelum : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Penempatan : KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUANAAN  
Kuatkuasa : 4.12.17

**MOHAMAD NAZRUL BIN AZIZ**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
GRED M52 (MEMANGKU)  
Jab. Sebelum : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Penempatan : TALENT CORPORATION MALAYSIA BERHAD  
(TALENTCORP) (PEMINJAMAN)  
Kuatkuasa : 4.12.17

**AHMAD ASNAWI BIN MOHD YUSOFF**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M52  
Jab. Sebelum : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Penempatan : JABATAN PERDANA MENTERI  
Kuatkuasa : 11.12.17

**RAZAMI BIN MOHAMAD JAMALI**

Jawatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M48  
Jab. Sebelum : INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA  
Penempatan : LEMBAGA PERLESENAN KENDERaan PERDAGANGAN  
CAWANGAN SARAWAK, JABATAN PERDANA MENTERI  
Kuatkuasa : 1.12.17

**NOOR NAZRAH BINTI ZAINAL**

Jawatan : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Penempatan : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG  
Kuatkuasa : 1.12.17

**SA'ADIAH BINTI HAMZAH**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
Penempatan : KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
Kuatkuasa : 20.12.17

**NOR FAIZAH BINTI MUHAMED**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Penempatan : KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
Kuatkuasa : 20.12.17

**NUUR NABILA AIN BINTI ARIPPIN**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK  
Kuatkuasa : 18.12.17

**KHAIRUL IZAM BIN MOHD YUSOF**

Jawatan : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19  
Jab. Sebelum : BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Penempatan : KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
Kuatkuasa : 21.12.17



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day